

12/08/2001

Kunjungan Megawati bincang hubungan dua hala

KUALA LUMPUR: Lawatan kerja dua hari Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri ke negara ini pada 27 dan 28 Ogos ini dijangka membincangkan hubungan dua hala kedua-dua negara dalam pelbagai bidang terutama ekonomi dan perdagangan.

Duta Besar Indonesia di sini, Hadi A Wayarabi Al-Hadar, berkata dalam lawatan itu, Megawati akan mengemukakan rancangannya selepas mengambil alih pucuk pimpinan Indonesia daripada Presiden Abdurrahman Wahid, awal bulan ini.

"Lawatan itu bukan saja bertujuan mengeratkan hubungan kedua-dua negara tetapi memberikan penjelasan kepada Dr Mahathir mengenai usaha yang dirancang Presiden dan kabinetnya.

"Selain itu, ibu Presiden dijangka mendapatkan pandangan daripada Dr Mahathir mengenai masalah yang dihadapi oleh kedua-dua negara, memandangkan pengalaman beliau (Mahathir) sebagai pemimpin yang paling lama berkhidmat di rantau ini," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis Hari Keluarga anjuran Kedutaan Indonesia sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-56 negara itu pada 17 Ogos ini.

Hadi berkata, Malaysia adalah negara terakhir yang akan dilawati Megawati dalam rangka lawatan kerjanya ke negara Asean.

Katanya, selain mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Megawati juga dijangka mengadakan kunjungan hormat kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada hari pertama lawatannya.

Sementara itu, lebih 1,000 kakitangan kedutaan, rakyat Indonesia yang bertugas di negara ini, pelajar Sekolah Indonesia di Kuala Lumpur dan penuntut Institusi Pengajian Tinggi menghadiri Hari Keluarga berkenaan.

"Hari Keluarga ini diadakan untuk merapatkan hubungan silaturahmi antara seluruh masyarakat Indonesia di negara ini khususnya di sekitar Kuala Lumpur tanpa mengira kedudukannya.

"Selain itu, ia juga adalah sebahagian daripada program sambutan ulang tahun ke-56 kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos ini," katanya.

(END)